

**MATLAMAT AKHIR PEMBANGUNAN
BERTERASKAN ISLAM:KAJIAN
BERDASARKAN KITAB *ŞAĤĪĤ*
*AL-BUKĤĀRIY***

KAMARULARIFFIN BIN ITHNAN

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

2020

**MATLAMAT AKHIR PEMBANGUNAN
BERTERASKAN ISLAM: KAJIAN
BERDASARKAN KITAB *ṢAḤĪḤ*
*AL-BUKHĀRIY***

oleh

KAMARULARIFFIN BIN ITHNAN

**Tesis yang diserahkan
untuk memenuhi keperluan bagi
Ijazah Doktor Falsafah**

Mei 2020

PENGHARGAAN

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Segala pujian bagi Allah Tuhan semesta alam. Dialah yang memuliakan manusia dengan perantaraan ilmu-Nya. Selawat dan salam buat junjungan besar Baginda Nabi Muhammad SAW, keluarga dan Sahabatnya r.a.. Alhamdulillah, syukur ke hadrat Ilahi kerana dengan rahmat-Nya tesis ini dapat disiapkan dengan jayanya.

Tesis ini didedikasikan kepada guru-guruku¹ pendidik dan pensyarah Kitab *Sunan al-Sittat* di *Jāmi‘at al-‘Ulūm al-Islāmiyyat ‘Allāmat Muḥammad Yūsuf al-Banūriy*, Binori Town, Karachi, Pakistan. Syeikh Mufti Mawlāna Dr. Abdul Halim al-Nu‘māniy al-Cishtiyy, Syeikh Mawlānā Mufti Niẓamuddin Syāmiziy, Syeikh Mawlānā Dr. ‘Abdul Razzāq Iskandar, Syeikh Mawlānā Mufti ‘Abdul Rauf al-Ghaznāwiyy, Syeikh Mawlānā Anwar al-Badakhshyāniy, Syeikh Mawlānā Sayyid Maḥmūd (Ṣandal Bābāji), Syeikh Mawlānā Faḍl Muḥammad Yusūf Zaeiy, Syeikh Mawlānā al-Qāri Miftaḥullāh, Syeikh Mawlānā Muḥammad Zayb Manjūr dan semua pensyarah yang tidak dirakamkan nama mereka di sini. Mereka bukan sahaja sekadar mendidik pengkaji sebagai seorang guru, malah mereka juga menjadi tempat rujukan sebagai seorang *murabbi*.

Setinggi-tinggi penghargaan ditujukan kepada penyelia utama, Dr. Mohd Syakir Mohd Rosdi dan penyelia bersama Prof. Dr. Muhammad Syukri Salleh yang selalu memberi nasihat, inspirasi, bimbingan, tunjuk ajar, input serta semangat dan

¹ Seperti terdapat dalam sanad pada lampiran E.

galakan sepanjang proses penghasilan tesis ini. Mereka bukan sahaja memberi tunjuk ajar berkaitan pengajian dan tesis, bahkan melangkaui didikan rohani dan jasmani supaya menjadi insan yang berakhlak dan meletakkan cita-cita lebih daripada sekadar menghabiskan pengajian Doktor Falsafah, tetapi juga mencari keredaan Allah SWT. Segala pertolongan yang diberikan semoga mendapat ganjaran sebaiknya daripada Allah SWT. Sesungguhnya Allah SWT jualah sebaik-baik pemberi ganjaran.

Penyelidik juga ingin mengucapkan berbanyak terima kasih yang tidak terhingga sekali lagi kepada Prof. Dr. Muhammad Syukri Salleh yang merupakan Pengasas Pusat Kajian Pembangunan Islam (ISDEV) serta pensyarah-pensyarah ISDEV, Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang. Pengarah ISDEV, Dr. Shahir Akram Hassan, Timbalan Pengarah ISDEV, Dr. Wan Norhaniza Wan Hasan, Mantan Pengarah ISDEV, Prof. Madya Dr. Zakaria Bahari, Mantan Timbalan Pengarah ISDEV, Prof. Madya Dr. Fadzila Azni Ahmad, Dr. Mohd Shukri Hanapi, Dr. Azrin Ibrahim, Dr. Sheereza Mohamed Saniff, Dr. Azreen Hamiza Abdul Aziz dan Dr. Murni Yusoff.

Penghargaan terkhas juga dirakamkan kepada Prof. Emeritus Dato' Paduka Dr. Mahmood Zuhdi Haji Abdul Majid, Prof. Emeritus Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya (APIUM) yang sudi meluangkan masa berharga beliau untuk sesi temubual bersama penyelidik bagi pengesahan data kajian tesis ini. Penyelidik berasa sangat bertuah dan merasai betapa berfaedahnya dapat bertemu walau sebentar dengan seseorang yang berilmu dan pakar dalam sesuatu bidang. Hal ini bersesuaian dengan mafhum firman Allah SWT (*Sūrat al-Naḥl*, 16:43) supaya pergi bertanya kepada yang ahli jika kamu tidak mengetahui. Semoga ilmu beliau dapat diambil

peluang dan dimanfaatkan sebaik-baiknya oleh penuntut-penuntut yang lain seperti penyelidik. Pepatah Melayu ada mengatakan bahawa hanya jauhari yang mengenal manikam.

Jutaan terima kasih juga kepada Pusat Kajian Pengurusan Pembangunan Islam (ISDEV) dan Institut Pengajian Siswazah (IPS) di Universiti Sains Malaysia atas bantuan dan kemudahan yang disediakan sepanjang proses kajian ini. Ucapan terima kasih ditujukan kepada Kementerian Pengajian Tinggi (KPT), Malaysia di atas peluang yang diberikan. Begitu juga dengan pihak perpustakaan tempat saya mencari sumber ilmu bagi memudahkan kajian ini seperti Perpustakaan Hamzah Sendut Universiti Sains Malaysia (USM), Perpustakaan Universiti Malaya (UM), Perpustakaan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Perpustakaan Tun Seri Lanang Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Unit Perpustakaan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Perpustakaan Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM) dan Perpustakaan Masjid Nabawi, Madinah. Tidak dilupakan juga kepada seluruh staf sokongan di ISDEV yang tidak jemu-jemu menghulurkan bantuan kepada penyelidik dengan penuh dedikasi dan senyuman.

Ingatan dan rasa kasih yang abadi buat *al-marḥum* ayahanda Haji Ithnan bin Haji Osman yang telah pulang ke pangkuan Ilahi pada Disember 2018 ketika penyelidik sedang menyiapkan tesis ini, "*al-Fātiḥat*". Semoga arwah ditempatkan bersama orang-orang soleh yang mendapat keredaan Allah SWT. Bonda tercinta Hajah Fatimah binti Kiyai Haji Mat Abbas, isteri tersayang Fathimah Abdul Jalil dan empat cahaya mata pengkaji ‘Aishah Siddiqah, Muhammad, ‘Abdullah Zubair dan Zainab. Terima kasih kerana memahami, menyokong dan membantu usaha Walid selama ini. Tidak diabaikan juga jasa dan kenangan terindah yang tidak dapat diulang

kembali bersama kalian semua saudara kandung pengkaji iaitu Noraini, Ahmad Khaidar, Noriah, Norol Amin, Mahfuzah, Umil Khasanah dan Solekhul Fathi.

Tidak lupa juga sekalung penghargaan kepada adik-beradik dan keluarga mertua. Ibu dan bapa mertua Hajah Zaiton Zainuri dan Haji Abdul Jalil Yahya di atas doa restu, bimbingan, sokongan dan dorongan di sepanjang pengkaji menyiapkan tesis ini. Tidak lupa juga buat rakan-rakan, Mohd Firdaus Ibrahim, Mohd Haidzir Auzir, Ahmad Nazrul Alif Yahya, Dr. Wafdi Auni Mohamed, Mohd Alpian Ali, Mohd ‘Adli Zahri, Khairul Azlee Mohd Yunus, Siti Masilah Shahari @Abdullah, Dr. Nurul Suhada Ismail, Dr. Wan Nooraini Wan Kamarudin, Aziah Abd Manaf serta semua rakan dan taulan yang terlibat memberi bantuan dan tunjuk ajar kepada penyelidik secara langsung atau pun tidak langsung, namun tidak semuanya dapat dinukilkan di sini.

Akhir kata, terima kasih banyak-banyak kepada semua yang telah berjasa di sepanjang tempoh pengajian ini. Hanya Allah SWT yang dapat membalas jasa baik yang diberikan. Semoga rahmat Allah SWT sentiasa dilimpahkan buat kalian semua. Diharapkan usaha penulisan tesis ini juga diterima sebagai ibadah, menyumbang dalam memperkaya khazanah ilmu pengetahuan dan sebagai *waṣīlat* demi mencapai keredaan Allah SWT.

Kamarulariffin bin Ithnan

Pusat Kajian Pengurusan Pembangunan Islam (ISDEV)
Universiti Sains Malaysia
Pulau Pinang

Mei 2020

SENARAI KANDUNGAN

PENGHARGAAN	ii
SENARAI KANDUNGAN	vi
SENARAI JADUAL	xii
SENARAI RAJAH	xiv
SENARAI SINGKATAN	xv
SENARAI LAMPIRAN	xviii
TRANSLITERASI	xix
ABSTRAK	xx
ABSTRACT	xxii
BAB 1 PENGENALAN	1
1.1 Pendahuluan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	2
1.2.1 Matlamat Akhir Pembangunan.....	2
1.2.2 Matlamat Akhir Pembangunan Berteraskan Islam.....	4
1.2.3 Kitab <i>Ṣaḥīḥ Al-Bukhāriy</i>	11
1.3 Pernyataan Masalah	13
1.4 Objektif Kajian.....	16
1.5 Persoalan Kajian	17
1.6 Definisi Operasional Kajian.....	19
1.6.1 Pembangunan Berteraskan Islam (PBI).....	19
1.6.2 Matlamat akhir.....	22
1.6.3 <i>Al-Ḥadīth</i>	25
1.7 Skop Dan Batasan Kajian	26
1.8 Kepentingan Kajian	29
1.9 Sumbangan Kajian	30

1.10	Organisasi Tesis	31
1.11	Kesimpulan	33
BAB 2	KAJIAN LEPAS DAN SOROTAN KARYA	35
2.1	Pengenalan	35
2.2	Kajian Lepas	35
2.2.1	Matlamat Akhir Pembangunan Islam.....	36
2.2.1(a)	Matlamat Akhir Pembangunan Pendidikan Islam	36
2.2.1(b)	Matlamat Akhir Gerakan Dakwah.....	38
2.2.1(c)	Matlamat Akhir Pembangunan Politik Islam	41
2.2.1(d)	Matlamat Akhir Pembangunan Organisasi dan Institusi	44
2.2.1(e)	Matlamat Akhir Pembangunan Ekonomi Islam	47
2.2.1(f)	Matlamat Akhir Pembangunan Ekonomi Politik Islam.....	52
2.2.2	Kajian Matlamat Akhir Pembangunan Berteraskan Islam	54
2.2.3	Kajian Kitab <i>Ṣaḥīḥ Al-Bukhāriy</i>	56
2.3	Analisis Kajian Lepas	60
2.4	Sorotan Karya	62
2.4.1	Matlamat Akhir Dalam Islam.....	62
2.4.2	Matlamat Akhir Dalam Pembangunan Islam	65
2.4.3	Karya Berkaitan Kitab <i>Ṣaḥīḥ Al-Bukhāriy</i>	68
2.5	Analisis Sorotan Karya	75
2.6	Kerangka Konseptual Kajian	76
2.7	Kesimpulan	79

BAB 3 KAEDAH PENYELIDIKAN.....	80
3.1 Pengenalan	80
3.2 Reka Bentuk Kajian	80
3.2.1 Kajian Penerokaan.....	81
3.2.2 Kajian Deskriptif	84
3.3 Kaedah Pengumpulan Data.....	87
3.3.1 Sumber Pengumpulan Data	88
3.3.1(a) Sumber Utama (al-Qur'an dan Hadith)	89
3.3.1(b) Sumber Kedua (Karya Matlamat Akhir PBI).....	92
3.3.1(c) Sumber Ketiga (Karya-karya PBI)	93
3.3.1(d) Sumber Keempat (Kitab Hadith <i>Ṣaḥīḥ al-Bukhāriy</i>).....	94
3.3.1(e) Kaedah Pemilihan Hadith.....	95
3.4 Kaedah Penganalisisan Data	98
3.4.1 Kaedah Analisis Kandungan	104
3.5 Kesimpulan	107
BAB 4 HADITH-HADITH MATLAMAT AKHIR PEMBANGUNAN.....	108
4.1 Pengenalan	108
4.2 Hadith-Hadith Matlamat Akhir Pembangunan Dalam Kitab <i>Ṣaḥīḥ al-Bukhāriy</i>	109
4.2.1 Hadith Tema <i>al-Falāḥ</i> (Kejayaan di Dunia dan Akhirat).....	110
4.2.1(a) Kedudukan Hadith <i>al-Falāḥ</i> Dalam Kitab <i>Ṣaḥīḥ al-Bukhāriy</i>	122
4.2.2 Hadith Tema <i>Marḍāt Allāh</i> (Keredaan Allah) / <i>Riḍwāniy</i> (Keredaan-Ku).....	124
4.2.2(a) Kedudukan Hadith-hadith <i>Marḍāt Allāh</i> / <i>Riḍwāniy</i> Dalam Kitab <i>Ṣaḥīḥ al-Bukhāriy</i>	126

4.2.3	Hadith Tema <i>al-Fawz</i> (Kemenangan)	128
4.2.4	Hadith-hadith Tema <i>al-Sa'adat</i> (Kebahagiaan di Dunia dan Akhirat)	128
4.2.4(a)	Kedudukan Hadith <i>al-Sa'adat</i> Dalam Kitab <i>Ṣaḥīḥ al-Bukhāriy</i>	132
4.3	Hadith-Hadith <i>Al-Ghāyat Al-'Ulyā</i> (Matlamat Akhir) PBI	136
4.3.1	Hadith-hadith tema <i>al-Hadf</i> dalam Kitab <i>Ṣaḥīḥ al-Bukhāriy</i>	140
4.3.2	Hadith-hadith <i>al-Niyyat</i> Dalam Kitab <i>Ṣaḥīḥ al-Bukhāriy</i>	170
4.4	Kedudukan Hadith-Hadith Matlamat Akhir Dalam Kitab <i>Ṣaḥīḥ Al-Bukhāriy</i>	207
4.4.1	Kedudukan Hadith <i>al-Hadf</i> Dalam Kitab <i>Ṣaḥīḥ al-Bukhāriy</i>	208
4.4.2	Kedudukan Hadith <i>al-Niyyat</i> dalam Kitab <i>Ṣaḥīḥ al-Bukhāriy</i>	209
4.5	Kesimpulan	211
BAB 5 KONSEP MATLAMAT AKHIR PEMBANGUNAN BERDASARKAN HADITH AL-BUKHARIY.....		212
5.1	Pengenalan	212
5.2	Elemen Matlamat Akhir PBI Dalam Hadith Al-Bukhāriy	213
5.3	Elemen-Elemen Matlamat Akhir PBI Dalam Hadith Al-Bukhāriy.....	219
5.3.1	Elemen Adil Dalam Hadith al-Bukhāriy	220
5.3.2	Elemen Tujuan <i>fi sabīl Allāh</i> Dalam Hadith al-Bukhāriy	221
5.3.3	Elemen Mengharapkan Pahala Dalam Hadith al-Bukhāriy	223
5.3.4	Elemen <i>al-Amr bi al-Ma'ruf wa al-Nahy 'an al-Munkar</i> Dalam Hadith al-Bukhāriy.....	226
5.3.5	Elemen Yakini Allah SWT Dalam Hadith al-Bukhāriy	226

5.4	Elemen Matlamat Akhir Dalam Matlamat Akhir PBI	228
5.4.1	Elemen Adil Dalam Matlamat Akhir PBI	229
5.4.2	Elemen Tujuan <i>fi sabīl Allāh</i> Dalam Matlamat Akhir PBI.....	234
5.4.3	Elemen <i>Amr bi Al-ma‘ruf wa Al-nahy ‘an al- Munkar</i> Dalam Matlamat Akhir PBI	241
5.4.4	Elemen Yakini Allah SWT Dalam Matlamat Akhir PBI.....	244
5.4.5	Elemen Mengharapkan Pahala Dalam Matlamat Akhir PBI.....	250
5.5	Pola Matlamat Akhir PBI Berdasarkan Hadith Al-Bukhāriy	258
5.6	Kesimpulan	260
BAB 6	PENUTUP	261
6.1	Pendahuluan.....	261
6.2	Dapatan dan Rumusan Kajian.....	261
6.3	Implikasi Kajian dan Cadangan Dasar.....	269
6.3.1	Implikasi Teoretikal.....	270
6.3.1(a)	Implikasi Terhadap Bidang Hadith	270
6.3.1(b)	Implikasi Terhadap Bidang PBI.....	271
6.3.2	Implikasi Empirikal (Praktikal).....	272
6.3.2(a)	Implikasi Terhadap Pelaksanaan PBI.....	273
6.3.2(b)	Implikasi Terhadap Pendekatan Pembangunan	274
6.4	Cadangan Kajian Masa Hadapan	275
6.4.1	Subjek Kajian	275
6.4.2	Sampel Kajian	276
6.4.3	Skop Analisis Kajian	277
6.5	Rumusan	279

BIBLIOGRAFI	280
--------------------------	------------

LAMPIRAN

SENARAI JADUAL

	Halaman
Jadual 1.1	Kolerasi Antara Objektif dengan Persoalan Kajian 18
Jadual 3.1	Kolerasi Objektif Kajian, Persoalan Kajian, Reka Bentuk Kajian, Kaedah Pengumpulan Data dan Kaedah Penganalisan Data 105
Jadual 4.1	Nombor Hadith, Teks Terjemahan Hadith dan Hadith-hadith Tema <i>al-Falāḥ</i> 111
Jadual 4.2	Kedudukan Hadith-hadith Matlamat Akhir Pembangunan Dalam Kitab <i>Ṣaḥīḥ al-Bukhāriy</i> Bertema <i>al-Falāḥ</i> 122
Jadual 4.3	<i>Asbāb al-Wurūd</i> Hadith-hadith Berdasarkan Tema <i>al-Falāḥ</i> 123
Jadual 4.4	Nombor Hadith, Teks Terjemahan Hadith dan Hadith-hadith <i>Marḍāt Allāh / Riḍwāniy</i> 124
Jadual 4.5	Kedudukan Hadith-hadith Matlamat Akhir Pembangunan Dalam Kitab <i>Ṣaḥīḥ al-Bukhāriy</i> Bertema <i>Marḍāt Allāh</i> (Keredaan Allah) / <i>Riḍwāniy</i> (Keredaan-Ku) 126
Jadual 4.6	<i>Asbāb al-Wurūd</i> Hadith-hadith Berdasarkan Tema <i>Marḍāt Allāh / Riḍwāniy</i> 127
Jadual 4.7	Nombor Hadith, Teks Terjemahan Hadith dan Hadith-hadith <i>al-Sa'ādāt</i> 129
Jadual 4.8	Kedudukan Hadith-hadith Matlamat Akhir Pembangunan Dalam Kitab <i>Ṣaḥīḥ al-Bukhāriy</i> Bertema <i>al-Sa'ādāt</i> 132
Jadual 4.9	<i>Asbāb al-Wurūd</i> Hadith-hadith Berdasarkan Tema <i>al-Sa'ādāt</i> 133
Jadual 4.10	Nombor Hadith, Terjemahan Hadith dan Hadith-hadith tema <i>al-Hadf</i> (Tujuan) 140
Jadual 4.11	Nombor Hadith, Terjemahan Hadith dan Hadith-hadith Tema <i>Al-Niyyat</i> 170
Jadual 4.12	Kedudukan Hadith-hadith Matlamat Akhir Pembangunan Dalam Kitab <i>Ṣaḥīḥ al-Bukhāriy</i> Bertema <i>al-Hadf</i> 209

Jadual 4.13	Kedudukan Hadith-hadith Matlamat Akhir Pembangunan Dalam Kitab <i>Ṣaḥīḥ al-Bukhāriy</i> Bertemakan <i>al-Niyyat</i>	210
Jadual 5.1	Sampel Hadith-hadith Tentang Elemen Adil	221
Jadual 5.2	Sampel Hadith-hadith Tentang Elemen Tujuan <i>fī Sabīl Allāh</i>	222
Jadual 5.3	Sampel Hadith-hadith Tentang Elemen Mengharap Pahala	225
Jadual 5.4	Sampel Hadith-hadith Tentang Elemen <i>al-Amr bi Al-ma‘ruf wa al-Nahy ‘an al-Munkar</i>	226
Jadual 5.5	Sampel Hadith-hadith Tentang Elemen Yakini Allah SWT	227
Jadual 5.6	Elemen Adil Berdasarkan <i>Asbāb al-Wurūd</i>	232
Jadual 5.7	Elemen Tujuan <i>fī sabīl Allāh</i> Berdasarkan <i>Asbāb al-Wurūd</i>	237
Jadual 5.8	Elemen <i>Amr bi al-Ma‘ruf wa al-Nahy ‘an al-Munkar</i> Berdasarkan <i>Asbāb al-Wurūd</i>	244
Jadual 5.9	Elemen Yakini Allah SWT Berdasarkan <i>Asbāb al-Wurūd</i>	247
Jadual 5.10	Elemen Mengharapkan Pahala Berdasarkan <i>Asbāb al-Wurūd</i>	253
Jadual 5.11	Kedudukan Hadith-hadith Pola Matlamat Akhir PBI	259
Jadual 6.1	Ringkasan Dapatan Kajian	266

SENARAI RAJAH

	Halaman
Rajah 2.1	Lompang Kajian..... 59
Rajah 2.2	Kerangka Konseptual Kajian 77
Rajah 3.1	Tatacara Pelaksanaan Kajian 86
Rajah 3.2	Populasi dan Sampel Hadith Matlamat Akhir Pembangunan 97
Rajah 5.1	Elemen-elemen Matlamat Akhir PBI..... 219

SENARAI SINGKATAN

AKEPT	Akademi Kepimpinan Pendidikan Tinggi
APIUM	Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya
a.s.	<i>'Alayh al-Ṣalāt wa al-Salām</i>
bil.	Bilangan
dlm.	Dalam
DAP	Parti Tindakan Demokratik
DPNI	Dasar Penerapan Nilai-Nilai Islam
DPTN	Dasar Pendidikan Tahfiz Negara
Ed.	Seorang Editor
Eds.	Dua Orang Editor atau Lebih
EPI	Ekonomi Politik Islam
G1M	Gagasan 1Malaysia
H	Hijrah
hlm.	Halaman
ILIM	Institut Latihan Islam Malaysia
ISDEV	<i>Centre for Islamic Development Management Studies</i> (Pusat Kajian Pengurusan Pembangunan Islam)
IPI	Institusi Perbankan Islam
IPS	<i>Institute of Postgraduate Studies</i> (Institut Pengajian Siswazah)
ISM	Indeks Syariah Malaysia
Jld.	Jilid
JAKIM	Jabatan Kemajuan Islam Malaysia
KPT	Kementerian Pengajian Tinggi
M	Masihi

MDN	Majlis Dakwah Negara
No.	Nombor
PAN	Parti Amanah Negara
PAS	Parti Islam SeMalaysia
PBI	Pembangunan Berteraskan Islam
PH	Pakatan Harapan
PINTA	Persatuan Institusi Tahfiz Kebangsaan
PKR	Parti Keadilan Rakyat
PL	Pembangunan Lazim
PPBM	Parti Peribumi Bersatu Malaysia
PPBMMI	Penentu Pemilihan Bank Menurut Muslim Ideal
r.a.	<i>Raḍiya Allāh ‘Anh</i>
Samb.	Sambungan
SAW	<i>Ṣalla Allāh ‘Alayh wa Sallām</i>
SWT	<i>Subḥānah wa Ta‘āla</i>
t.th	Tanpa tarikh
t.tp	Tanpa tempat
t.p	Tanpa Penerbit
terj.	Terjemahan
UIAM	Universiti Islam Antarabangsa Malaysia
UM	Universiti Malaya
UKM	Universiti Kebangsaan Malaysia
UniSZA	Universiti Sultan Zainal Abidin
USM	Universiti Sains Malaysia
Vol.	<i>Volume</i>

YAPEIM Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia
YADIM Yayasan Dawah Islam Malaysia

SENARAI LAMPIRAN

- LAMPIRAN A Senarai Penerbitan dan Pembentangan
- LAMPIRAN B Penyelidik (Kanan) Bergambar Bersama Prof. Emeritus Dato' Paduka Dr. Mahmood Zuhdi Haji Abdul Majid (Prof. Emeritus Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya) Dalam Sesi Pengesahan Data Kajian
- LAMPIRAN C Salinan Sebahagian Soalan-Soalan Komunikasi Peribadi Bersemuka Yang Dikemukakan Kepada Pakar Rujuk Untuk Pengesahan Data Kajian
- LAMPIRAN D Surat Pengesahan Pakar
- LAMPIRAN E Salinan Sanad Hadith Penyelidik
- LAMPIRAN F Hadith-Hadith Matlamat Akhir PBI Dalam *Ṣaḥīḥ Al-Bukhāriy*

PANDUAN TRANSLITERASI

HURUF RUMI	HURUF ARAB	HURUF RUMI	HURUF ARAB
ṭ	ط	-	ا
ẓ	ظ	b	ب
‘	ع	t	ت
gh	غ	th	ث
f	ف	j	ج
q	ق	ḥ	ح
k	ك	kh	خ
l	ل	d	د
m	م	dh	ذ
n	ن	r	ر
w	و	z	ز
h	هـ	s	س
’	ء	sy	ش
y	ي	ṣ	ص
ṭ	ة	ḍ	ض

PENDEK		PANJANG		DIFTONG	
a	ـَ	a	أَ	ay	أَيَّ
i	ـِ	i	إِيَّ	aw	أَوَّ
u	ـُ	u	أُوَّ		

Sumber: *Pedoman Transliterasi Huruf Arab ke Rumi*, Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) (1992)

**MATLAMAT AKHIR PEMBANGUNAN BERTERASKAN ISLAM:
KAJIAN BERDASARKAN KITAB *ṢAḤĪḤ AL-BUKHĀRIY***

ABSTRAK

Dalam melaksanakan Pembangunan Berteraskan Islam (PBI), sesetengah pihak mengatakan *al-ghāyat al-‘ulyā* (matlamat akhir tertinggi) pembangunan adalah *al-falāḥ* (kejayaan). Sebahagiannya yang lain pula berpendapat *marḍāt Allāh* (mencapai reda Allah), *al-fawz* (kemenangan) dan *al-sa‘ādat* (kebahagiaan di dunia dan akhirat) sebagai matlamat akhir pembangunan. Persoalannya, apakah yang dimaksudkan dengan matlamat akhir pembangunan itu? Apakah sebenarnya matlamat akhir pembangunan itu? Kajian ini cuba mencari jawapan kepada persoalan-persoalan ini dengan menumpukan kepada *al-falāḥ* dan *marḍāt Allāh*. Adakah matlamat PBI itu *al-falāḥ* seperti yang dikatakan oleh sesetengah pihak sebagai matlamat akhir iaitu di dunia ia berupa kejayaan yang berbentuk kemewahan, kesenangan, kekayaan dan ketenangan, manakala di akhirat pula akan mendapat syurga Allah SWT? Atau adakah matlamat akhir pembangunan berteraskan Islam itu adalah *marḍāt Allāh*? Untuk merungkai permasalahan ini, kajian ini dibuat dengan tumpuan khusus terhadap Hadith-hadith Rasulullah SAW yang diriwayatkan oleh Imam al-Bukhāriy r.h. dalam kitab Hadithnya bernama *Ṣaḥīḥ al-Bukhāriy*. Bagi mencapainya, kajian berbentuk penerokaan dan deskriptif dengan menggunakan kaedah kepustakaan dilakukan. Hadith-hadith matlamat akhir pembangunan yang dikenal pasti dipilih berdasarkan istilah atau makna istilah dalam Hadith yang boleh dikaitkan dengan *al-ghāyat al-‘ulyā* (matlamat akhir). Hadith-hadith yang terkumpul ini kemudiannya dianalisis dengan menggunakan kaedah

analisis kandungan. Di samping itu, penelitian *asbāb al-wurūd* (sebab periwayatan Hadith) dilakukan untuk mengenal pasti elemen-elemen dan pola *al-ghāyat al-‘ulyā* (matlamat akhir) dalam Hadith-hadith tersebut. Hal ini bagi mencapai tiga tujuan utama kajian ini. Pertama, mengenal pasti Hadith-hadith yang berkaitan dengan matlamat akhir berdasarkan kitab *Ṣaḥīḥ al-Bukhāriy*. Kedua, menganalisis matlamat akhir berdasarkan Hadith-hadith yang dikenal pasti itu; dan ketiga, merumuskan matlamat akhir pembangunan berdasarkan Hadith Rasulullah SAW. Daripada penelitian terhadap ketiga-tiga tujuan kajian ini mendapati bahawa matlamat akhir pembangunan berdasarkan Hadith dalam Kitab *Ṣaḥīḥ al-Bukhāriy* ialah *marḍāt Allāh*, manakala *al-falāḥ* adalah sebagai kesan daripada mendapat *marḍāt Allāh*.

**THE ULTIMATE OBJECTIVE OF ISLAMIC-BASED DEVELOPMENT: A
STUDY BASED ON *ṢAḤĪḤ AL-BUKHĀRIY***

ABSTRACT

In implementing Islamic-based development (IbD), some stated that *al-ghāyat al-'ulyā* (ultimate objective of development is *al-falāḥ* (success)). Others stated that *marḍāt Allāh* (achieving the pleasure of Allah), *al-fawz* (victory) and *al-sa'ādat* (happiness in this world and the hereafter) as the ultimate objective of development. The question is, what is the meaning of the ultimate objective of development? What exactly is the ultimate goal of the development? This study attempts to find an answer to these questions by focusing on *al-falāḥ* and *marḍāt Allāh*. Is it *al-falāḥ* as stated by some, which can be success in the form of luxury, pleasure, wealth and tranquility in this world, while attaining paradise in the hereafter? Or, is the ultimate objective of development *marḍāt Allāh*? In order to resolve this issue, this study was conducted by focusing on the Hadith of Rasulullah SAW narrated by Imam al-Bukhāriy r.h. in *Ṣaḥīḥ al-Bukhāriy*. To achieve it, exploratory and descriptive research through library method was carried out. The Ahadith related to the ultimate objective were identified based on the terminology or the meaning of the terminology used in the Hadith that can be associated with *al-ghāyat al-'ulyā* (ultimate objective). The selected Ahadith were then analysed by way of content analysis. Apart from that, a scrutiny on the *asbāb al-wurūd* (reasons for emergence) was done to identify elements and patterns of ultimate objective (*al-ghāyat al-'ulyā*) in those Hadith. This is in order to achieve the three main aims of this study. First, to identify the Hadith related to *marḍāt Allāh* based on *Ṣaḥīḥ al-*

Bukhāriy. Second, to analyse *marḍāt Allāh* based on the identified Hadith; and third, to summarize the ultimate objective of development based on the Hadith of Rasulullah SAW. From the three aims study achievements found that the ultimate objective of development based on the Hadith in *Ṣaḥīḥ al-Bukhāriy* is *marḍāt Allāh*, while *al-falāḥ* is the outcome from obtaining *marḍāt Allāh*.

BAB 1

PENGENALAN

1.1 PENDAHULUAN

Dalam melaksanakan Pembangunan Berteraskan Islam (PBI), matlamat PBI itu perlu diambil kira. Daripada beberapa kajian yang dilakukan, terdapat beberapa istilah yang boleh dikaitkan dengan matlamat akhir PBI. Matlamat-matlamat tersebut seperti *al-falāḥ* (kejayaan di dunia dan akhirat), *marḍāt Allāh* (keredaan Allah), *al-fawz* (kemenangan) dan *al-sa'ādāt* (kebahagiaan di dunia dan akhirat). Untuk PBI, istilah mana yang sesuai digunakan sebagai matlamat akhirnya? Matlamat yang betul dapat membawa sesuatu pembangunan kepada kejayaan yang hakiki. Selain itu, kajian berkaitan matlamat akhir PBI belum lagi dilakukan sama ada berdasarkan al-Qur'an atau pun Hadith. Maka kajian ini secara umumnya bertujuan mengkaji dan meneliti matlamat akhir pembangunan berdasarkan Kitab *Ṣaḥīḥ al-Bukhāriy*. Matlamat yang betul dapat membawa sesuatu pembangunan kepada kejayaan yang hakiki.

Kajian ini secara umumnya bertujuan mengkaji matlamat akhir pembangunan berdasarkan Hadith-hadith yang terdapat dalam Kitab *Ṣaḥīḥ al-Bukhāriy*. Secara lebih khusus pula kajian ini bertujuan mengenal pasti dan menganalisis Hadith-hadith berkaitan matlamat akhir pembangunan dengan menggunakan kaedah analisis kandungan. Sebagai bab permulaan, bab ini memuatkan perbincangan mengenai latar belakang kajian, pernyataan masalah, objektif kajian, persoalan kajian, definisi

operasional kajian, skop dan batasan kajian, kepentingan kajian, sumbangan kajian dan organisasi tesis.

1.2 LATAR BELAKANG KAJIAN

Perbincangan mengenai matlamat akhir PBI masih kurang dibincangkan oleh ilmuwan dan tokoh-tokoh pembangunan Islam sama ada oleh ilmuwan di luar negara mahu pun ilmuwan di Malaysia. Terdapat beberapa orang tokoh ilmuwan Islam yang membincangkan perkara ini. Antara tokoh-tokoh ilmuwan yang dimaksudkan ialah Yusuf al-Qaradāwiy (1996), Muhammad Syukri Salleh (2003:81), Muhammad Taqi Usmani (2004), Sidek Baba (2006:102) dan Asyraf Wajdi Dusuki (2013).

Sebagai latar belakang bagi kajian ini yang bertajuk matlamat akhir PBI kajian berdasarkan Kitab *Ṣaḥīḥ al-Bukhāriy*, maka ia dibincangkan dalam tiga bahagian. Pertama, Matlamat Akhir Pembangunan; kedua, Matlamat Akhir Pembangunan Berteraskan Islam; dan ketiga, Kitab *Ṣaḥīḥ al-Bukhāriy*.

1.2.1 Matlamat Akhir Pembangunan

Pembangunan di dunia sekarang ini terbina dari dua falsafah lazim iaitu Falsafah Pembangunan Kapitalis² dan Falsafah Pembangunan Marxis³. Kedua-dua falsafah ini

² Falsafah Kapitalis, atau lebih dikenali sebagai falsafah Pasca-Klasikal (Teori Neo-klasikal), lahiriah Teori Pertumbuhan dan kemudiannya Teori Pengagihan-Dengan-Pertumbuhan. Kedua-duanya menjadi teori dominan terutamanya sekitar tahun 1950 hingga 1960, malahan berterusan hingga ke hari ini. Teori-teori ini yang dikenali sebagai Paradigme Modenisasi yang menekankan konsep kedaulatan pengguna, pemaksimuman keuntungan, perusahaan bebas dan persaingan sempurna. Tumpuan utama teori neoklasikal ini ialah peruntukan sumber terhadap dengan cara yang paling cekap, melalui sistem harga dan kuasa penawaran dan permintaan di pasaran. Ringkasnya, teori neoklasikal ialah teori yang menekankan pasaran bebas atau *laissez faire* yang sebenarnya merupakan pendekatan kapitalis. Prinsip utama pandangan neoklasikal ialah pemaksimuman untung bagi

memakai pengkaedahan pembangunan Barat. Pengkaedahan ini bermula pada tahun 1945 di Eropah Barat selepas perang dunia kedua (Muhammad Syukri Salleh, 2003). Matlamat akhir dalam aliran ini tidak jauh bezanya dengan matlamat akhir pembangunan dalam aliran kepercayaan humanisme dan modernisme (Barat dan Jepun). Humanisme adalah konsep yang mengagungkan kemampuan dan kewibawaan manusia, tanpa memerlukan panduan daripada Ilahi. Modernisme⁴ pula dilihat sebagai penentang hebat kepada agama (Nik Mustafa Nik Hassan, 2014:14).

Selain hanya mementingkan keuntungan di dunia semata-mata, PL juga dilihat mengetepikan nilai-nilai agama kerana teori PL menganggap agama sebagai alat kepada pembangunan dan bukannya pembangunan menjadi alat kepada agama (Todaro, 1977:62). Hal ini telah dikuatkan lagi dengan pendapat M. Umer Chapra (1997:1-3) yang mengatakan bahawa kepincangan sistem PL Kapitalis dan Sosialis adalah kerana kedua-duanya telah melupakan tuntutan-tuntutan rohani manusia dan hanya bersandarkan keperluan jasmani. Di samping itu, PL dilihat hanya

pengedar dan pemaksimuman utility bagi pengguna. Dengan cara ini, faedah bersama dicapai melalui operasi sistem pasaran bebas (Clements,1980:11-12; Jomo K.S & Shamsulbahriah,1986:9-10). Demikian juga dengan teori Kapitalis yang menganggap pembangunan adalah sebahagian daripada konsepsi kebendaan semata-mata (Nyang,1976:11).

³ Falsafah Marxis atau dikenali secara akademiknya sebagai Falsafah Radikal, lahirlah teori-teori Strukturatis dan pergantungan yang tumbuh dari ideologi Marxis dan Pasca Marxis. Falsafah ini secara asasnya percaya kepada pertumbuhan, tahap-tahap pertumbuhan dan perlu memusnahkan budaya tempatan jika ingin maju. Karl Marx sendiri percaya bahawa setiap masyarakat atau negara itu mesti melalui tiga tahap yang berikut: pertama, masyarakat pra-kapitalis yang bersifat feodal dengan ragam pengeluaran *Asiatic* yang tidak mempunyai konflik antara kelas masyarakat. Oleh itu, masyarakat tersebut menjadi *static*. Dalam keadaan itu, menurut Karl Marx, masyarakat tidak boleh maju. Untuk maju, masyarakat pra-kapitalis atau lebih dikenali sebagai masyarakat tradisional mesti dihapuskan. Ia kemudiannya mesti bergerak ke tahap kedua, yakni pembentukan masyarakat kapitalis dan kemudiannya ke tahap ke tiga yang membentuk masyarakat pasca-kapitalis, yakni masyarakat komunis dan sosialis (Muhammad Syukri Salleh, 2003:9).

⁴ Modernisme bermula pada zaman European Renaissance dan berkembang maju dalam abad ke-19 oleh Darwin, Marx dan Freud. Modernisme wujud dalam beberapa rupa sistem yang berasingan seperti dalam Komunisme, Sosialisme, Kapitalisme, Pragmatisme dan Zionisme. Rukun terpenting modernism ialah penolakan terhadap wujudnya hari akhirat. Penolakan ini diasaskan kepada peri pentingnya kejayaan dunia dalam pengumpulan harta dan kekayaan (Nik Mustafa Nik Hassan, 2014:14).

menggunakan rasional, hujah akal dan ilmu *ḍarūriy*⁵ sebagai asas pembangunan dengan bersikap bias terhadap aspek agama seperti PL yang terhasil daripada acuan Barat (Muhammad Syukri Salleh, 2010:3-4).

PL juga dilihat bermatlamatkan keuntungan semata-mata. Matlamat fahaman ini dikenali daripada teori PL Kapitalis dan Marxisme. Kedua-duanya berpendapat segala unsur penghalang seperti masyarakat tradisional, kekurangan sumber alam, modal, daya pengeluaran dan kebergantungan kepada negara lain yang menghalang pembangunan adalah punca utama kegagalan dan kemunduran (Jomo K.S. & Shamsulbahriah Ku Ahmad, 1986:21-23). Kemajuan material dan fizikal adalah yang paling utama, dengan mengabaikan aspek akhlak dan sosial, prinsip dan pendidikan (Abd Hamid, 1998:xiii).

Daripada perbincangan matlamat PL tersebut, dapat dirumuskan bahawa matlamat akhir PL hanya menumpukan pencapaian peningkatan keuntungan dan kadar pertumbuhan ekonomi semata-mata.

⁵ Ilmu *taṣawwuriy* dan ilmu *taṣdīqiy* terbahagi kepada dua iaitu *ḍaruriy* dan *naẓāriy*. *Ḍaruriy* adalah ilmu yang tidak memerlukan pemikiran lagi (aksiomatis). *Naẓāriy* adalah ilmu yang memerlukan pemikiran. Lebih jelas, *ḍaruriy* (juga disebut sebagai *badihiy* dalam ilmu Mantik) adalah ilmu dan pengetahuan yang dengan sendirinya boleh diketahui tanpa memerlukan pengetahuan dan perantaraan ilmu yang lain. Jadi Ilmu *taṣawwuriy ḍaruriy* adalah gambaran dalam benak yang difahami tanpa sebuah proses pemikiran. Contoh: $2 \times 2 = 4$ dan $15 \times 15 = 225$ atau berkumpulnya dua hal yang kontradiktif adalah mustahil (tidak mungkin terjadi) adalah hal yang *ḍaruriy*. Sedangkan *naẓāriy* dapat diketahui melalui sebuah proses pemikiran atau melalui pengetahuan yang sudah diketahui sebelumnya. Jadi ilmu *taṣawwuriy naẓāriy* adalah gambaran yang ada dalam benak yang difahami melalui proses pemikiran. Contohnya bumi itu bulat, ia adalah hal yang *naẓāriy* (Muḥammad Anwar al-Badakhshāniy: 1996:17).

1.2.2 Matlamat Akhir Pembangunan Berteraskan Islam

Pembangunan di muka bumi ini perlu dilakukan kerana ia adalah salah satu daripada perintah Allah SWT. Mafhum firman Allah SWT dalam al-Qura'an:

“Dan tuntutanlah dengan harta kekayaan yang telah dikurniakan Allah kepadamu akan pahala dan kebahagiaan hari akhirat dan janganlah engkau melupakan bahagianmu (keperluan dan bekalanmu) dari dunia; dan berbuat baiklah (kepada hamba-hamba Allah) sebagaimana Allah berbuat baik kepadamu (dengan memberi nikmat-Nya yang melimpah-limpah); dan janganlah engkau melakukan kerosakan di muka bumi; sesungguhnya Allah tidak suka kepada orang-orang yang berbuat kerosakan” (*al-Qaṣaṣ*, 28:77).

Pembangunan yang dimaksudkan ialah pembangunan yang merangkumi dunia dan akhirat⁶. Ukuran kejayaan yang sebenar bagi sesuatu pembangunan itu adalah apabila ia memberikan kejayaan di dunia dan akhirat. Oleh itu, pembangunan hendaklah dilaksanakan secara Islam, bukan menguruskan pembangunan yang berteraskan Islam secara tidak Islam, atau menguruskan pembangunan tidak Islam secara Islam (Muhammad Syukri Salleh, 2009:85-86).

Dalam pembangunan secara Islam, matlamat pembangunan itu sendiri hendaklah selari dengan kehendak Islam, sama ada pembangunan material atau pun pembangunan spritual, rohani mahupun jasmani. PBI adalah berbeza dengan Pembangunan Lazim (PL) dari segi kerangkanya, konsep-konsep asasnya, epistemologinya, matlamatnya dan falsafahnya (Fadzila Azni Ahmad, 2010:106).

⁶ Dalam konteks ini, setiap pembangunan material jika dihubungkan dengan teras pembangunan iaitu Islam sebagai tasawur dan matlamatnya kerana Allah SWT maka pembangunan itu dikira sebagai ibadah. Pembangunan hanyalah merupakan alat untuk mencapai matlamat yang hakiki di sisi Allah SWT. Oleh itu, pembangunan kontemporari seperti kesihatan moden, sains, revolusi industri 4.0 (IR4.0), *millennium development goals* (MDGs) (pembangunan milenium) dan *sustainable development* (SDGs) (pembangunan lestari) juga dikira sebagai ibadah jika matlamatnya adalah untuk mencapai sesuatu yang hakiki di sisi Allah SWT. Perkara ini bertepatan dengan pendapat Muhammad Syukri Salleh (2018:81).

Pembangunan yang berterasaskan Islam bertunjangkan tiga pokok tasawur Islam iaitu Allah SWT adalah Pencipta, manusia adalah makhluk dan alam semesta juga adalah makhluk (Muhammad Syukri Salleh, 2003a:19-23).

PL mengutamakan keupayaan ekonomi seperti memaksimumkan pengeluaran, memaksimumkan penggunaan dan memaksimumkan pendapatan menjadi matlamat utama PL. PL menganggap manusia sebagai makhluk ekonomi (*Humanomics*) yang berfungsi untuk mengeluarkan dan mengguna semata-mata (Hagen, 1958:198). Sedangkan berdasarkan tasawur Islam, manusia selaku makhluk Allah SWT mempunyai fungsi yang lebih khusus iaitu sebagai hamba dan khalifah Allah SWT.

Dalam PBI, fungsi manusia sebagai hamba dan khalifah Allah SWT ini direalisasikan menerusi dua dimensi perhubungan. Fungsi manusia sebagai hamba Allah SWT direalisasikan menerusi hubungan menegak dengan Allah SWT selaku Pencipta, manakala fungsi selaku *khālifah*⁷ Allah SWT direalisasikan dalam hubungan mendatar sesama manusia dan sumber alam selaku makhluk-makhluk Allah SWT (Muhammad Syukri Salleh, 2003b:31).

Dalam pada itu, PBI mestilah bermatlamatkan sesuatu yang hakiki di sisi Allah SWT. Menurut M. Umer Chapra (2007), matlamat akhir PBI adalah *al-fawz*. Beliau berpendapat *al-fawz* mempunyai makna yang sama dengan *al-falāh* dalam mendefinisikannya sebagai matlamat akhir PBI. Menurut beliau, perkataan *al-fawz*

⁷ Apabila amanah dan tanggung jawab sebagai khalifah dilaksanakan dengan betul, Allah SWT akan mengganjari dengan ganjaran yang terbaik di sisi-Nya. Amanah dan tanggungjawab untuk Allah SWT ini harus selari dengan matlamat akhirnya yang juga bermatlamatkan untuk Allah SWT. Seperti matlamat akhir PBI secara umumnya adalah untuk mencapai sesuatu yang terbaik di sisi Allah SWT. Walau bagaimanapun perbincangan perlu dijalankan untuk mengenal pasti apakah matlamat hakiki yang ditetapkan dalam PBI.

mempunyai maksud yang sama dengan *al-falāḥ* yang mempunyai pengertian yang sama seperti dalam panggilan azan lima kali sehari yang mana ia menunjukkan sebagai perkara terpenting dalam pandangan Islam. Berhubung dengan perkara ini, M. Umer Chapra (2007) mengatakan:

“Salah satu cara untuk merealisasikan matlamat adalah dengan menyetengahkan *falāḥ* kepada semua orang yang menempati bumi tidak kira bangsa, warna kulit, umur, jantina atau kewarganegaraan. Perkataan *falāḥ* dan yang semakna dengannya telah digunakan dalam Qur’an sebanyak 40 kali. Dalam perkataan lain, *fawz* adalah sinonim dengan *falāḥ*” (M. Umer Chapra, 2007: 1).

Menurut al-Zuḥayliy (1991e:285) dan al-Syawkāniy (1993c:665) pula, ia bermaksud perintah melaksanakan segala perkara yang disuruh oleh Allah SWT dengan reda agar dengan itu nanti manusia akan mencapai *al-fawz* (kemenangan) dan *al-falāḥ* di sisi-Nya. Pendapat ini dilihat selari dengan pemikiran M. Umer Chapra (2007). Beliau mengatakan *al-fawz* mempunyai makna yang hampir sama dengan *al-falāḥ* dalam mendefinisikannya sebagai matlamat akhir PBI. Menurut beliau, perkataan *al-fawz* sinonim dengan *al-falāḥ* yang mempunyai pengertian yang sama seperti apa yang dimaksudkan dalam seruan azan iaitu mengajak kepada kejayaan dan kemenangan. Kemenangan dan kejayaan yang dicapai itu pula adalah dalam bentuk pahala dan keredaan daripada Allah SWT. Dengan kata lain, *al-falāḥ* itu akan tercapai setelah mendapat keredaan Allah SWT (Mohd Syukri Hanapi, 2013:173).

Syed Muhammad Naquib al-Attas (1995:19) mengatakan, matlamat akhir pembangunan kerohanian ialah *al-sa’ādāt* iaitu kebahagiaan di dunia dan akhirat. Beliau melihat kebahagiaan mempunyai pertalian dengan dua dimensi kewujudan iaitu kewujudan di dunia (*duniawiyyat*) dan di akhirat (*ukhrawiyyat*). Hal ini berdasarkan kata beliau:

“*Al-sa‘ādat* pada manusia adalah kemuncak kebahagiaan terakhir iaitu dengan cara menyerah diri secara sukarela kepada Islam dengan beriman kepada Allah SWT dan mentaati segala perintah dan larangannya” (Syed Muhammad Naquib al-Attas, 1995:19).

Pandangan al-Attas ini dilihat selari dengan Imam al-Ghazāliy dalam bukunya *kimiyyā’ al-Sa‘ādat* yang mengatakan ketaatan kepada Allah SWT dan agama Islam adalah jalan utama manusia untuk mendapatkan keberkatan dalam sesuatu usaha pembangunan (Nur Zahidah Jaapar, 2011:30).

Menurut Khurshid Ahmad (1994:20) pula, matlamat akhir bagi PBI adalah *al-falāḥ*.

Hal ini diperjelas dengan kata beliau:

Terjemahannya: “Konsep Islam dalam pembangunan adalah mengikut konsep *tazkiyah*, kerana ia menangani sendiri kepada masalah pembangunan manusia dalam semua dimensi: pembangunan adalah berkenaan dengan pertumbuhan ke arah kesempurnaan melalui penyucian sikap dan hubungan. Hasil *tazkiyah* adalah *falāḥ* iaitu kesejahteraan di dunia dan akhirat” (Khurshid Ahmad, 1994:20).

Perkara ini kemudiannya diperkuatkan lagi oleh pandangan Hussin Salamon (2009:2). Beliau mengatakan:

“Manusia diharapkan agar dapat melaksanakan tanggungjawab sebagai khalifah Allah di muka bumi ini dengan baik kerana tanggungjawab ini akan ditanya di akhirat kelak. Atas tuntutan inilah maka kejayaan yang ingin dicapai oleh setiap individu Muslim dalam melaksanakan tuntutan hidup berekonomi ialah untuk mencapai *al-falāḥ*, iaitu kejayaan sebenar di dunia dan akhirat” (Hussin Salamon, 2009:2).

Menurut Nik Mustapha Nik Hassan (2014), prinsip-prinsip umum untuk melaksanakan PBI antara lain adalah keadilan sosial, prinsip bekerja dan ganjaran, prinsip menjauhkan daripada melakukan kerosakan dan penghayatan keimanan melalui pengamalan nilai agama yang mana semua perkara ini dilihat bertujuan

mencapai kejayaan dunia dan akhirat (*al-falāḥ*). Dalam pada itu, M. Umer Chapra (1995) berpandangan:

“Untuk memenuhi semua keperluan ini akan membuatkan semua ahli daripada masa kini dan generasi akan datang tenang, selesa, sihat dan cekap, dan mampu menyumbang dalam kekayaan-Nya ke arah merealisasikan dan pengekalannya *falah* dan *hayat tayyibah*” (M. Umer Chapra, 1995: 51-70).

Menurut al-Zuḥayliy (1991:285) dan al-Syawkāniy (1993:665) pula, *falāḥ* bermaksud perintah melaksanakan segala perkara yang disuruh oleh Allah SWT dengan reda agar dengan itu nanti manusia akan mencapai *al-fawz* (kemenangan) dan *al-falāḥ* di sisi-Nya. Dalam pembangunan kerohanian pula, Syah Waliyullah⁸ mendefinisikan matlamat akhir pembangunan kerohanian sebagai bermatlamatkan *Iḥsan* (kebaikan) dan ini hanya tercapai dengan ibadat dan taat kepada Allah SWT (Abdul Majid Khatib, 1977). Dalam persidangan pertama pendidikan Islam yang diadakan di Mekah pada tahun 1977 yang dihadiri oleh 313 orang ulama dan sarjana Islam daripada 40 buah negara, telah merumuskan bahawa pembangunan pendidikan dalam Islam bermatlamat untuk melahirkan manusia yang baik dan bertakwa, yang menyembah hanya Allah SWT, mewujudkan tamadun berasaskan syariah dan hidup dengan tunduk kepada ajaran syariah itu (Mohd Affandi Hassan, 1992:11).

Dalam pada itu, satu pihak lain mengatakan matlamat akhir PBI adalah *marḍāt Allāh* (keredaan Allah SWT). Antara tokoh-tokoh PBI yang mengatakan *marḍāt Allāh*

⁸ Nama lengkap beliau ialah Imam al-Kabir Sheikh Ahmad Abdul Rahim Ibn al-Syāhid Wajihuddin Ibn Mu’azzam Ibn Mansur Ibn Ahmad Ibn Mahmud Dahlawiy. Namun begitu beliau lebih dikenali dengan gelaran Syah Waliyullah. Beliau adalah tokoh ulama yang mahir dalam ilmu failasof, pujangga, *muḥaddith* dan juga seorang guru sufi *Tariqat Naqsyābandiat*. Beliau juga digelar sebagai seorang mujaddid (reformis atau pembawa pembaharuan). Lahir pada 21 Februari di sebuah kampung kecil bernama Pulth, daerah Muzaffaragh, dekat Delhi, India bersamaan, 4 Syawal 1114 Hijrah / 1702 Masihi, 4 tahun sebelum kematian Sultan Aurangzeb. Salasilah keturunannya di sebelah bapa sampai kepada Sayyidina Umar al-Faruq dan di sebelah ibunya pula sampai kepada Imam Musa Khazim r.a. Antara 71 buah kitab karangan beliau yang termasyhur adalah *Hujjatullāh al-Bālighat*.

sebagai matlamat akhir PBI ialah Yusuf al-Qaraḏāwiy (1996), Muhammad Syukri Salleh (2003:81), Sidek Baba (2006:102) dan Asyraf Wajdi Dusuki (2013). Menurut Muhammad Syukri Salleh (2003:81), matlamat akhir PBI adalah untuk mencapai *marḏāt Allāh* SWT. Dalam tulisan beliau *Tujuh Prinsip Pembangunan Berteraskan Islam*, beliau mengatakan:

“Pembangunan adalah alat untuk mencapai *marḏāt Allāh*. Apabila tercapai keredaan Allah SWT, maka akan dikurniakan *al-falāḥ*, yakni kebahagiaan di dunia dan kebahagiaan di akhirat. Ertinya, kebahagiaan di dunia dan di akhirat hanya boleh dicapai kalau Allah SWT reda. Atas sebab itu, matlamat akhir pembangunan ialah keredaan Allah SWT, bukan kebahagiaan di dunia dan kebahagiaan di akhirat” (Muhammad Syukri Salleh, 2003:81).

Pendapat beliau ini dikuatkan lagi dengan kenyataan yang dikeluarkan oleh Sidek Baba (2006:102). Beliau mengatakan sekiranya niat dan matlamat sesuatu perbuatan dikaitkan dengan keredaan Allah SWT barulah ia dikira sebagai ibadah. Berhubung perkara ini, Sidek Baba (2006:102) berpendapat:

“Sesuatu perbuatan manusia akan diterima sebagai ibadah sekiranya niat dan matlamat kerjanya dikaitkan dengan keredaan Allah SWT, proses melakukannya tidak bercanggah dengan syariat Allah SWT maka barulah natijah kerja dan amal dianggap sebagai ibadah yang Allah SWT terima dan hikmah atau kebaikannya akan memberi manfaat kepada orang lain” (Sidek Baba, 2006:102).

Yusuf al-Qaraḏāwiy (1996) pula menekankan bahawa setiap individu Islam, dasar bagi seluruh kegiatan adalah Allah SWT. Oleh itu, menurut beliau, matlamat seluruh kegiatannya itu seharusnya menuju kepada Allah SWT dan mendapat *marḏāt Allāh* di samping memastikan kaedah pelaksanaannya tidak bertentangan dengan apa yang disyariatkan oleh Allah SWT.⁹

⁹ Dipetik dari karya Fadzila Azni Ahmad (2010:288).

Dalam pada itu Asyraf Wajdi Dusuki (2013) juga mengatakan *Mardāt Allāh* sebagai matlamat akhir dalam PBI. Pendapat beliau dilihat selari dengan pendapat Aidit Ghazali (1990). Beliau mengatakan:

“Keperluan, kemudahan dan kesejahteraan hidup pula hanya merupakan alat bagi mencapai matlamat akhir yang sebenarnya dalam Islam iaitu *mardāt Allāh*” (Aidit Ghazali, 1990: 187).

Jelasnya, matlamat akhir bagi PBI mestilah sesuatu yang tepat dan hakiki di sisi Allah SWT. Untuk mendapatkan matlamat PBI yang tepat dan hakiki, kajian matlamat akhir pembangunan berdasarkan sumber utama epistemologi Islam perlu dilakukan. Kajian ini menggunakan Kitab *Ṣaḥīḥ al-Bukhāriy* sebagai rujukan utama dalam kajian ini.

1.2.3 Kitab *Ṣaḥīḥ Al-Bukhāriy*

Kitab Hadith muktabar yang digunakan dalam kajian ini adalah Kitab *Ṣaḥīḥ al-Bukhāriy*. Ia merupakan sebuah kitab Hadith yang terkenal dalam kalangan ilmuwan Islam. Kitab ini tersenarai antara salah satu kitab Hadith daripada enam kitab Hadith muktabar *Sunan al-Sittat*. Selain telah mendapat pengiktirafan ulama sebagai kitab yang menjadi sumber sahih selepas al-Qur’an, kitab ini juga merupakan sebuah kitab yang tepat dan paling banyak mengumpulkan Hadith berbanding kitab-kitab Hadith yang sebelumnya (Rosmawati Ali, 2005:286).

Imam al-Bukhāriy¹⁰ menyusun Kitab *Ṣaḥīḥ*nya di Mekah dengan mengambil masa selama 16 tahun untuk menyiapkannya. Namun begitu, beliau mengatakan masih banyak lagi Hadith sahih yang beliau tinggalkan kerana memakan masa terlalu lama dalam penulisannya. Hadith yang terkandung dalam *Ṣaḥīḥ*nya ini berasal dari 600,000 buah Hadith yang telah dihafalnya. Jumlah perawi dalam Kitab sahihnya seramai 90,000 orang. Imam al-Bukhāriy telah memasukkan sebanyak 9082 buah Hadith termasuk Hadith yang berulang. Jumlah Hadith yang tidak berulang sebanyak 2602 tidak termasuk Hadith-hadith *mawqūf*¹¹ dan *maqtū*¹² (Muhammad Mustafa Azami, 1998). Setelah itu, Imam al-Bukhāriy mengemukakan Kitab *Ṣaḥīḥ*nya kepada Yahya bin Ma‘in, ‘Ali bin Madiniy dan juga Imam Ahmad bin Hanbal untuk disemak dan diteliti bagi memastikan kesahihannya.

Selain itu, menurut Aḥmad Ḥaydar Muḥammad Ṣādiq (2006), susunan Kitab *Ṣaḥīḥ al-Bukhāriy* adalah sangat mantap kerana ia dikenali sebagai *al-Jāmi*‘ yang bermaksud terhimpun atau merangkumi. Terdapat pelbagai tema dan tajuk meliputi

¹⁰ Nama penuh Imam al-Bukhāriy ialah Abu ‘Abdullah Muḥammad bin Ismail bin Ibrahim bin al-Mughīrah bin Bardizbah al-Ju‘fi al-Bukhāriy. Beliau berketurunan Parsi, dilahirkan di Bukhara pada hari Jumaat, 13 Syawal tahun 194 Hijrah bersamaan 21 hb. Julai 810 Masehi. Beliau terkenal dengan panggilan al-Bukhāriy kerana dinisbahkan kepada daerah kelahirannya Bukhara. Imam al-Bukhāriy merupakan seorang yang warak, zuhud dan lemah lembut. Beliau merupakan seorang mujtahid yang beramal dengan apa yang dikatakan. Selain berminat dengan ilmu pengetahuan, Imam al-Bukhāriy juga minat dalam bersukan. Atara sukan pilihan beliau ialah memanah. Beliau merupakan seorang yang pakar dalam memanah. Semua panahan yang dilakukan oleh beliau tepat pada sasarannya. Menurut Warraq yang merupakan sahabat karib beliau, dalam memanah hanya dua kali sahaja Imam al-Bukhāriy tidak tepat pada sasarannya. Imam al-Bukhāriy dikatakan mampu mengingat sejuta Hadith beserta matan dan sanadnya dengan sempurna dan lengkap. Disamping itu beliau dapat membezakan Hadith yang Ṣaḥīḥ dan tidak. Beliau telah meriwayatkan Hadith dari 90,000 perawi dan tidak pernah jemu untuk menuntut ilmu Hadith. Beliau sangat mahir dalam ilmu Sanad dan ilmu ‘Illāḡ (kecacatan Hadith). Imam al-Bukhāriy meninggal dunia pada malam Sabtu selepas solat Isyak iaitu malam Hari Raya Fitrah, 30 Ramadhan 256 Hijrah bersamaan 31hb. Ogos 870 Masihi di kampung Khartang salah sebuah kampung di daerah Samarkhand, Bukhara ketika berusia 62 tahun (Rosmawati Ali, 2005:282).

¹¹ Perkataan, perbuatan atau *taqrir* yang disandarkan kepada seorang sahabat Nabi SAW (Al-‘Asqalāniy, 1422H).

¹² Perkataan, perbuatan atau *taqrir* yang disandarkan kepada seorang tabi‘in (Al-‘Asqalāniy, 1422H).

akidah, fiqh, akhlak, muamalat, sirah, tafsir, *manāqib* (kisah tokoh-tokoh) dan sebagainya. Kitab ini juga memuatkan nas-nas al-Qur'an, fatwa-fatwa sahabat dan *tābi'in*. Di samping itu, pengarang telah melakukan terjemahan bab berdasarkan *ijtihad* daripada ilmu beliau yang tinggi. Menurut Ibn Khaldun (2004), beliau mengatakan bahawa Kitab *Ṣaḥīḥ al-Bukhāriy* umpama penampung kepada lompong ilmu-ilmu Islam. Kitab *Ṣaḥīḥ al-Bukhāriy* ini ialah sebuah kitab yang tiada tolok-bandungnya yang diterima pakai oleh sarjana Islam dan seluruh umat Islam. Oleh sebab tingginya nilai ilmu dalam kitab ini, maka ia dipilih sebagai objektif kajian ini.

1.3 PERNYATAAN MASALAH

Berdasarkan perbincangan sebelum ini, didapati bahawa matlamat akhir merupakan antara perkara yang terpenting dalam PBI. Skop skala waktu PBI itu bukanlah hanya di dunia sahaja, bahkan merangkumi alam roh, alam dunia dan alam akhirat. Ertinya, berjaya atau tidaknya sesuatu pembangunan pada hakikatnya hanya dapat ditentukan di akhirat (Muhammad Syukri Salleh, 2003). Hal ini berbeza dengan matlamat akhir PL yang hanya menumpukan pencapaian di dunia semata-mata. Oleh itu, pelaku pembangunan haruslah memikirkan kejayaan yang bersifat hakiki iaitu bukan hanya menumpukan kejayaan di dunia yang bersifat sementara, bahkan merangkumi kejayaan di dunia dan di akhirat.

Dalam perbincangan untuk mengenal pasti matlamat akhir PBI yang sebenar, terdapat tokoh-tokoh pemikir yang memperkatakan matlamat akhir PBI. Antara pendapat yang dominan matlamat akhir PBI ini adalah *al-falāḥ* (kejayaan di dunia dan akhirat), *marḍāt Allāh* (keredaaan Allah SWT), *al-fawz* (kemenangan) dan *al-*

sa'ādāt (kebahagiaan di dunia dan akhirat). Antara tokoh pemikir PBI yang mengatakan *al-falāḥ* sebagai matlamat akhir PBI ialah Khurshid Ahmad (1994:20), Hussin Salamon (2009:2), Nik Mustapha Nik Hassan (2014) dan M. Umer Chapra (1995). Dalam pembangunan kerohanian pula, Syah Waliyyullah¹³ mendefinisikan matlamat akhir pembangunan kerohanian sebagai bermatlamatkan *iḥsān* (kebaikan) dan ini hanya tercapai dengan ibadat dan taat kepada Allah SWT (Abdul Majid Khatib, 1977). Menurut al-Zuḥayliy (1991:285) dan al-Syawkāniy (1993:665) pula, ia bermaksud perintah melaksanakan segala perkara yang disuruh oleh Allah SWT dengan reda agar dengan itu nanti manusia akan mencapai *al-fawz* (kemenangan) dan *al-falāḥ* di sisi-Nya.

Dalam pada itu, satu pihak lain mengatakan matlamat akhir PBI adalah *marḍāt Allāh* SWT. Antara tokoh-tokoh PBI yang mengatakan *marḍāt Allāh* sebagai matlamat akhir PBI ialah Muhammad Syukri Salleh (2003:81), Sidek Baba (2006:102), Yusuf al-Qaraḍāwiy (1996) dan Asyraf Wajdi Dusuki (2013).¹⁴

M. Umer Chapra (2007) berpendapat *al-fawz* mempunyai makna yang sama dengan *al-falāḥ* dalam mendefinisikannya sebagai matlamat akhir PBI. Menurut beliau, perkataan *al-fawz* mempunyai maksud yang sama dengan *al-falāḥ* yang mempunyai pengertian yang sama dalam panggilan azan lima kali sehari yang mana ia

¹³ Nama lengkap beliau ialah Imam al-Kabir Sheikh Ahmad Abdul Rahim Ibn al-Shahid Wajihuddin Ibn Mu'azzam Ibn Mansur Ibn Ahmad Ibn Mahmud Dahlawiy. Namun begitu beliau lebih dikenali dengan gelaran Syah Waliyullah. Beliau adalah tokoh ulama yang mahir dalam ilmu failasof, pujangga, *muhaddith* dan juga seorang guru sufi *Ṭarīqat al-Naqsyabandiyyat*. Beliau juga digelar sebagai seorang *mujaddid* (reformis atau pembawa pembaharuan). Lahir pada 21 Februari di sebuah kampung kecil bernama Pulth, daerah Muzaffaragh, dekat Delhi, India bersamaan, 4 Syawal 1114 Hijrah / 1702 Masihi, 4 tahun sebelum kematian Sultan Aurangzeb. Salasilah keturunannya di sebelah bapa sampai kepada Sayyidina Umar al-Farūq dan di sebelah ibunya pula sampai kepada Imam Musa Khazim r.a. Antara 71 buah kitab karangan beliau yang termasyhur adalah *Hujjatullah al-Bālighat*.

¹⁴ Perbincangan tokoh-tokoh pemikir berkenaan *marḍāt Allāh* seperti pada halaman 10.

menunjukkan sebagai perkara terpenting dalam pandangan Islam. Syed Muhammad Naquib al-Attas (1995:19) mengatakan, matlamat akhir pembangunan kerohanian ialah *al-sa'ādāt* iaitu kebahagiaan di dunia dan akhirat. Beliau melihat kebahagiaan mempunyai pertalian dengan dua dimensi kewujudan iaitu kewujudan di dunia (*duniawiyyat*) dan di akhirat (*ukhrawiyyat*).

Berhubung dengan kesemua pandangan tokoh-tokoh pemikir PBI tersebut, matlamat akhir PBI yang dikenal pasti adalah *al-falāḥ*, *marḍāt Allāh*, *al-fawz* dan *al-sa'ādāt*. Kajian Hadith-hadith berdasarkan empat istilah ini dijalankan bagi menguatkan pendefinisian ilmuwan dan tokoh-tokoh pembangunan tersebut. Oleh sebab, tidak banyak Hadith didapati berdasarkan kajian istilah *al-falāḥ*, *marḍāt Allāh*, *al-fawz* dan *al-sa'ādāt* tersebut, maka kajian Hadith-hadith matlamat akhir dalam Kitab *Ṣaḥīḥ al-Bukhārīy* dilakukan dengan istilah lain yang memberi maksud yang sama kepada *al-ghāyat al-'ulya* (matlamat akhir) iaitu perkataan *al-hadf* (tujuan) dan *al-niyyat* (niat). Dua istilah ini digunakan kerana mempunyai maksud yang paling hampir dengan *al-ghāyat al-'ulya* (matlamat akhir) (Umar Sulaiman, 2006:7, 2004:14).

Namun di sini timbul persoalan, apakah matlamat akhir PBI yang sebenar? Adakah matlamat sesuatu pembangunan seperti PBI tidak perlu diambil kira sebagai salah satu perkara yang penting dalam pelaksanaan sesuatu pembangunan? Adakah PBI yang dijalankan tanpa berpandukan matlamat akhir yang jelas masih boleh menggarap kejayaan? Jika berjaya sekali pun, adakah kejayaan itu akan menjadi sebuah kejayaan yang hakiki di sisi Allah SWT?

Berdasarkan persoalan-persoalan ini, maka kajian ini dilakukan dengan mengkaji matlamat akhir PBI berdasarkan Hadith-hadith yang terdapat dalam kitab *Ṣaḥīḥ al-Bukhāriy*. Hal ini disebabkan dua perkara. Pertama, belum ada lagi yang mengkaji matlamat PBI, khususnya dalam kitab Hadith seperti Kitab Hadith *Ṣaḥīḥ al-Bukhāriy*. Kedua, Kitab *Ṣaḥīḥ al-Bukhāriy* dianggap oleh sarjana Islam sebagai sebuah kitab yang paling sahih dan muktabar. Ia dianggap sebagai dalil kedua setelah al-Qur'an kerana kitab ini mengandungi Hadith-hadith yang sahih sahaja (al-Mubārakfūriy, 1422H). Belum ditemukan lagi mana-mana pengkaji yang mengkaji secara mendalam berkenaan matlamat akhir PBI berdasarkan Hadith-hadith dalam kitab Hadith tersebut.

Oleh itu, dalam mengkaji matlamat akhir PBI sama ada *al-falāḥ*, *marḍāt Allāh*, *al-fawz* dan *al-sa'ādat* seperti didakwa oleh beberapa pihak sebagai matlamat akhir PBI, Kitab *Ṣaḥīḥ al-Bukhāriy* dilihat sebagai kitab muktabar yang boleh dijadikan rujukan dalam mengkaji Hadith-hadith yang berkaitan dengan matlamat akhir PBI. Oleh sebab itu, kajian ini memfokuskan Hadith-hadith Nabi SAW dalam kitab ini sebagai rujukan yang paling utama.

1.4 OBJEKTIF KAJIAN

Berdasarkan pernyataan masalah yang telah dibincangkan sebelum ini, maka objektif umum bagi kajian ini ialah untuk meneliti dan mengkaji matlamat akhir PBI berdasarkan Hadith-hadith yang terdapat dalam Kitab *Ṣaḥīḥ al-Bukhāriy*. Bagi objektif khusus pula terdapat tiga objektif seperti berikut:

- i. Mengenal pasti Hadith-hadith yang berkaitan dengan matlamat akhir PBI berdasarkan Kitab *Ṣaḥīḥ al-Bukhāriy*.
- ii. Menganalisis Hadith-hadith matlamat akhir PBI berdasarkan Kitab *Ṣaḥīḥ al-Bukhāriy*.
- iii. Membina matlamat akhir PBI berdasarkan Hadith-hadith yang telah dikenal pasti dalam Kitab *Ṣaḥīḥ al-Bukhāriy*.

1.5 PERSOALAN KAJIAN

Bagi memastikan setiap objektif tercapai, maka persoalan-persoalan kajian dibentuk dan diselaraskan dengan objektif kajian. Persoalan-persoalan kajian tersebut adalah seperti berikut:

- i. Apakah Hadith-hadith berkaitan matlamat PBI dalam Kitab *Ṣaḥīḥ al-Bukhāriy*.
- ii. Di manakah kedudukan Hadith-hadith matlamat akhir PBI dalam Kitab *Ṣaḥīḥ al-Bukhāriy*?
- iii. Bagaimanakah matlamat akhir PBI dinyatakan dalam Hadith-hadith tersebut.
- iv. Apakah elemen-elemen matlamat akhir PBI yang terdapat dalam Kitab *Ṣaḥīḥ al-Bukhāriy*?
- v. Apakah pola matlamat akhir PBI yang dibina berdasarkan Hadith?
- vi. Apakah matlamat akhir PBI sebenar yang dibina berdasarkan Hadith?

Hubung kait objektif kajian dengan persoalan kajian ini digambarkan dalam Jadual 1.1:

Jadual 1.1: Kolerasi Antara Objektif dengan Persoalan Kajian

Bil	Objektif Kajian	Persoalan Kajian
1.	Mengenal pasti Hadith-hadith yang berkaitan dengan matlamat akhir PBI berdasarkan Kitab <i>Ṣaḥīḥ al-Bukhāriy</i> .	<p>i. Apakah Hadith-hadith berkaitan matlamat akhir pembangunan dalam Kitab <i>Ṣaḥīḥ al-Bukhāriy</i>.</p> <p>ii. Di manakah kedudukan Hadith-hadith matlamat akhir dalam Kitab <i>Ṣaḥīḥ al-Bukhāriy</i>.</p>
2.	Menganalisis Hadith-hadith matlamat akhir PBI berdasarkan Kitab <i>Ṣaḥīḥ al-Bukhāriy</i> .	<p>iii. Bagaimanakah matlamat akhir PBI dinyatakan dalam Hadith-hadith tersebut?</p> <p>iv. Apakah elemen-elemen Hadith matlamat akhir pembangunan yang terdapat dalam Hadith <i>Ṣaḥīḥ al-Bukhāriy</i>.</p>
3.	Membina matlamat akhir PBI berdasarkan Hadith-hadith yang telah dikenal pasti dalam Kitab <i>Ṣaḥīḥ al-Bukhāriy</i> .	v. Apakah pola (bentuk) matlamat akhir PBI yang dibina berdasarkan Hadith?

Bagi mencapai objektif kajian pertama, dua persoalan telah diketengahkan seperti yang digambarkan dalam Jadual 1.1. Pertama, apakah Hadith-hadith berkaitan matlamat pembangunan dalam Kitab *Ṣaḥīḥ al-Bukhāriy*? Kedua, di manakah kedudukan Hadith-hadith matlamat akhir dalam Kitab *Ṣaḥīḥ al-Bukhāriy*? Kedua-dua persoalan ini dibentuk untuk mengenal pasti Hadith-hadith yang berkaitan dengan matlamat akhir PBI berdasarkan Kitab *Ṣaḥīḥ al-Bukhāriy*. Objektif kajian kedua pula tertumpu kepada analisis Hadith-hadith matlamat akhir PBI berdasarkan Kitab *Ṣaḥīḥ al-Bukhāriy*. Untuk mencapai objektif kedua ini, terdapat dua persoalan yang perlu dijawab. Pertama, bagaimanakah matlamat akhir pembangunan dinyatakan dalam Hadith-hadith tersebut? Kedua, apakah elemen-elemen Hadith matlamat akhir pembangunan yang terdapat dalam Kitab *Ṣaḥīḥ al-Bukhāriy*?

Objektif kajian ketiga pula cuba membina matlamat akhir PBI berdasarkan Hadith-hadith yang telah dikenal pasti dalam Kitab *Ṣaḥīḥ al-Bukhāriy*. Bagi mencapai objektif kajian ketiga, satu persoalan kajian diketengahkan iaitu apakah pola matlamat akhir pembangunan yang dibina berdasarkan Hadith? Melalui persoalan kajian ini, penyelidik cuba membina matlamat akhir PBI berdasarkan Hadith-hadith yang telah dikenal pasti dalam Kitab *Ṣaḥīḥ al-Bukhāriy*.

1.6 DEFINISI OPERASIONAL KAJIAN

Kajian yang dilakukan ini mempunyai empat kata kunci. Kata-kata kunci yang dimaksudkan ialah pembangunan berteraskan Islam, matlamat, *marḍāt Allāh* dan Hadith-hadith terpilih. Tujuan definisi operasional kajian ini adalah untuk menjelaskan maksud kata kunci yang diguna pakai dalam kajian ini.

1.6.1 Pembangunan Berteraskan Islam (PBI)

Terdapat pelbagai pendefinisian terhadap PBI daripada beberapa tokoh pemikir PBI. Antara definisi tersebut adalah seperti yang diutarakan oleh Shamsul Amri Baharuddin (1990:132). Menurut beliau, pembangunan secara umumnya boleh dikatakan mencakupi keseluruhan kehidupan manusia sama ada secara lahiriah dan batiniah, luaran dan dalaman, material dan spiritual, fizikal dan mental, utilitarian dan humanisme, praktis dan teoretis, dan *'alāmiyyat* (semula jadi) atau pun perkara yang dirancang. Pembangunan juga dianggap sebagai sesuatu yang boleh diukur pencapaiannya, dikira dengan angka serta boleh membuat tanggapan tentang natijah masa depannya (Shamsul Amri Baharuddin, 1990:132).

Dari sudut bahasa, terdapat beberapa istilah yang dirujuk dari bahasa Arab yang membawa maksud pembangunan iaitu *tanmiyyat*, *taqaddum* dan *taghayyur*. *Tanmiyyat* bermaksud pertumbuhan atau pembesaran dan *taqaddum* membawa maksud maju ke hadapan atau kemajuan. *Taghayyur* pula bererti perubahan dan istilah ini sering diguna pakai untuk menjelaskan maksud pembangunan tersebut (Hussain Othman & Abdullah Sulaiman, 2007:2-3).

Pembangunan dari perspektif Islam pula ditakrifkan oleh Hussin Salamon dan Farahwahida Mohd Yusof (2007:123-124) sebagai satu proses yang melibatkan beberapa perkara serentak iaitu usaha ke arah mencapai aspek dalaman iaitu penyucian diri dan pembangunan secara kolektif yang melibatkan aspek luaran seperti sosio-ekonomi dan organisasi politik. Sesuatu pembangunan itu juga merupakan *natījah* (kesan) daripada integrasi hubungan *ḥabl min Allah* dan *ḥabl min al-nās* atau perilaku yang lahir daripada peribadatan (Hussin Salamon & Farahwahida Mohd Yusof, 2007:123-124). Pendapat ini dilihat senada dengan Sadeq al-Mahdi (1996:25). Beliau mendefinisikan PBI sebagai proses komprehensif yang melibatkan semua aspek kehidupan seseorang individu mahupun sesebuah komuniti dengan tujuan untuk memenuhi matlamat penciptaan manusia itu sendiri.¹⁵

Dalam hal ini, Wan Mohd Nor Wan Daud (2005:21) pula menggunakan istilah *iṣlāḥ*¹⁶ dalam menerangkan makna PBI yang sebenar. Menurut beliau *iṣlāḥ* dalam PBI adalah sebagai menghasilkan kebaikan dari semua segi dan dalam semua jenis kegiatan manusia serta menghapuskan nilai-nilai negatif (*fasād*) dari pelbagai sudut

¹⁵ Dipetik dari Fadzila Azni Ahmad (2008:108 & 2010:97).

¹⁶ Perkataan Arab bermaksud perbuatan ke atas seseorang atau sesuatu yang membuatnya baik, betul, teratur, adil, sesuai dengan segala nilai yang tinggi (Wan Mohd Nor Wan Daud, 2005:21).

dan kegiatan manusia¹⁷. Segala tindakan adalah dianggap PBI sekiranya ia dapat menghasilkan kebaikan dan keadilan dalam pelbagai segi. Malah PBI dengan makna *islāh* ini juga memberi maksud meruntuhkan seperti meruntuhkan kezaliman dan menghapuskan seperti menghapuskan kezaliman.

Mengikut pendefinisian Mohamed Aslam Haneef (1997) pula, PBI adalah pendekatan untuk mentafsirkan dan menyelesaikan masalah manusia berasaskan nilai, norma, undang-undang dan institusi-institusi yang didapati dan diperoleh daripada sumber-sumber pengetahuan dalam Islam. Menurut Surtahman Kastin Hasan (1990:11), pendekatan untuk menyelesaikan masalah manusia itu mestilah yang selaras dengan syariat iaitu dari segi memperoleh, mengguna atau mengurus sumber-sumber alam untuk kebaikan diri serta kebaikan bersama secara kebendaan dan kerohanian bagi mendapat keredaan Allah SWT. Pendefinisian Wan Mohd Nor Wan Daud (2005:21) dan Mohamed Aslam Haneef (1997) ini dilihat hampir sama dengan pendapat Surtahman Kastin Hasan (1990:11). Terdapat sedikit perbezaan apabila beliau dilihat menekankan tentang aspek syariat dalam menggunakan sumber-sumber alam bagi tujuan pelaksanaan pembangunan.

Pentakrifan PBI yang lebih terperinci telah dikemukakan oleh Muhammad Syukri Salleh (2002a:57). Menurut beliau, PBI merupakan satu sistem pembangunan yang berupaya mempertahankan status manusia sebagai khalifah Allah SWT dalam perspektif perhubungan mendatarnya (*ḥabl min al-nās*) dan mempertahankan status sebagai hamba Allah SWT dalam perspektif perhubungan menegaknya (*ḥabl min Allāh*). Untuk itu, menurut Muhammad Syukri Salleh (2002a:57) lagi, pembangunan

¹⁷ Dipetik dari Mohd Shukri Hanapi (2012:49).

yang dimaksudkan mesti lahir daripada tasawur Islam manakala pelaksanaannya pula mesti berteraskan konsep ibadat menurut Islam. Pentakrifan tentang PBI yang dikemukakan oleh Muhammad Syukri Salleh (2002a:57) inilah yang dipakai dalam kajian ini.

Terdapat tiga Justifikasi pemilihan definisi tokoh pemikir PBI ini. Pertama, Muhammad Syukri Salleh (2002a:57) adalah seorang tokoh pemikir kontemporari PBI. Beliau adalah tokoh terawal yang meneroka bidang PBI; kedua, beliau banyak menghasilkan tulisan berkaitan PBI dan hasil tulisan beliau menjadi rujukan ramai sarjana terkemudian; dan ketiga, pendefinisian beliau dilihat lebih tepat dan komprehensif yang mana apabila diaplikasikan dalam PBI ia akan membawa kepada kejayaan yang hakiki.

1.6.2 Matlamat akhir¹⁸

Dalam bahasa Arab, matlamat akhir disebut sebagai *al-ghāyat al-‘āliyyat (al-‘ulyā)*. *Al-ghāyat* dalam Bahasa Melayu bermaksud bendera (Ahmad Warson Munawwar, 1984:968). Dalam Kamus Arab *al-Munjid fi al-Lughat* (1973:564), *al-ghāyat* memberi maksud tujuan, matlamat dan sasaran. *Āliyyat* pula membawa maksud ketinggian (Ahmad Warson Munawwar, 1984:1028). Maksud *al-ghāyat al āliyyat* jika digandingkan dan diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu memberi maksud matlamat tertinggi atau matlamat akhir. Menurut Mahmood Zuhi (2019), perkataan

¹⁸ Matlamat yang spesifik adalah berkesan bagi meningkatkan prestasi seseorang dengan tidak mengira metodologi yang digunakan. Komitmen dalam menuju mencapai matlamat adalah sangat penting. Ia boleh meningkatkan fokus serta bertujuan untuk meningkatkan keseronokan dalam menjalankan tugas serta kesediaan untuk menerima lebih banyak cabaran (Robinson et. Al., 2009). Namun begitu, sesuatu matlamat itu perlulah jelas kerana ia akan membawa pelaku PBI ke arah kejayaan atau sebaliknya.

al-ghāyat al-'ulyā lebih tepat digunakan bagi menggambarkan maksud matlamat akhir tertinggi. Pengkaji menggunakan istilah *al-ghāyat al-'ulyā* yang didefinisikan oleh Mahmood Zuhdi (2019) sebagai matlamat akhir dalam kajian ini.

Dalam pada itu, definisi matlamat menurut Latham dan Locke (2006) ialah:

“Satu tahap pencapaian yang diinginkan dalam satu jangka masa yang ditetapkan” (Latham dan Locke, 2006: 266).

Menurut Muhammad Syukri Salleh (2008) matlamat akhir dalam bahasa Inggeris disebut sebagai *ultimate objective*. M. Umer Chapra (2007) mengertikan matlamat akhir dalam Bahasa Inggeris sebagai *ultimate goal* (matlamat utama). Menurut Kamus Inggeris Melayu Dewan Bahasa dan Pustaka (1992:1778), *ultimate* bermaksud terakhir, muktamad, utama, asasi, sebesar-besarnya dan paling manakala *objective* bermaksud objektif, benar, matlamat dan tujuan (Kamus Inggeris Melayu DBP, 1992:1045). *Ultimate objective* atau *ultimate goal* dalam bahasa Melayu diertikan sebagai matlamat akhir atau tujuan utama. Matlamat ialah sesuatu yang hendak dicapai, manakala objektif ialah sesuatu yang khusus yang ingin dicapai. Namun begitu kedua-duanya mempunyai maksud yang sama (Kamus Dewan, 2010:1009).

Dalam al-Qur'an terdapat ayat yang menerangkan matlamat Allah SWT menjadikan manusia. Perkara ini diterangkan dalam ayat yang bermaksud:

“Tidak aku jadikan jin dan manusia melainkan untuk beribadat kepada-Ku (menyembah-Ku)” (*Sūrat al-Zāriyat*, 51:56).

Dalam mentafsirkan ayat ini, Imam Jalāluddin al-Sayūti mengatakan matlamat Allah SWT menciptakan manusia adalah untuk beribadat kepada-Nya (Bahrun Abu Bakar L.C, 2008:934). Antara peraturan pelaksanaan ibadah dari sudut pembangunan ialah memastikan matlamatnya betul hanya kerana Allah SWT. Hal ini bertepatan dengan sebuah Hadith yang diriwayatkan oleh Imam al-Bukhāriy r.a:

“Sesungguhnya segala amalan itu bermula dengan niat. Setiap perkara itu mengikut apa yang diniatkan. Sesiapa yang berhijrah kerana dunia atau kerana wanita yang ingin dinikahinya, maka sesungguhnya hijrahnya itu adalah mengikut apa yang dimaksudkannya” (Riwayat al-Bukhāriy, no. Hadith 6689, Ibn Hajar, 773:720)”.

Hadith ini jelas menunjukkan bahawa niat atau matlamat sesuatu ibadah dalam pembangunan itu mestilah tepat iaitu untuk Allah SWT. Matlamat PBI dalam kajian ini haruslah sesuatu yang betul dan yang bersifat hakiki di sisi Allah SWT, bukan hanya kerana keuntungan di dunia semata-mata. Kejayaan yang sebenar adalah diukur di akhirat bukannya di dunia. Menurut Muhammad Syukri Salleh (2003:40), pembangunan yang berjaya hanyalah pembangunan yang pelakunya diberi ganjaran syurga oleh Allah SWT di akhirat nanti. Kalau manusia diganjarkan dengan neraka, pembangunan yang mereka bangunkan tidak dikira berjaya walaupun telah membangunkan material dan fizikal dengan banyaknya di alam dunia.

Mengambil kira pentingnya kajian tentang matlamat akhir PBI perlu dijalankan, perbincangan telah dibuat oleh pelbagai pihak. Dalam perbincangan tentang matlamat akhir PBI, terdapat pelbagai pendapat tokoh-tokoh pemikir PBI dalam mendefinisikan matlamat akhir PBI¹⁹. Antara tokoh-tokoh pemikir PBI tersebut ialah al-Zuhayliy (1991), al-Syawkāniy (1993), Khurshid Ahmad (1994), M. Umer Capra

¹⁹ Untuk perincian tentang perkara ini, lihat Latar Belakang Kajian, hlm. 2-8.